

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

16. Apakah tindakan berkesan oleh PBT negeri bagi mengatasi longgokan sampah haram di Negeri Pulau Pinang?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Statistik bilangan lokasi pembuangan sampah haram bagi tahun 2019 di negeri Pulau Pinang ialah sebanyak 60 lokasi iaitu 12 lokasi di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 48 lokasi di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Lokasi pembuangan sampah di kawasan MBPP menunjukkan peningkatan sebanyak 11 lokasi berbanding dengan tahun sebelumnya. Punca berlakunya peningkatan kes tersebut adalah disebabkan oleh Tapak Pelupusan Sampah Jelutong yang tidak lagi menerima sisa pukal dan sisa kebun mulai Mac 2019 kerana keadaan tapak yang tidak selamat untuk beroperasi. Oleh itu, semua kontraktor pembersihan swasta yang menggunakan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong telah diarahkan melupuskan sisa pukal dan sisa kebun di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung atau Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung dan kos pelupusan sisa perlu ditanggung oleh pihak penjana.

Pihak MBPP telah merujuk sebanyak empat (4) kes kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk mendapatkan nasihat bagi penelitian lanjut daripada aspek tindakan perundangan yang bersesuaian.

Selain itu, MBPP juga turut mengambil inisiatif berikut bagi mengatasi longgokan sampah haram di Negeri Pulau Pinang:

- (i) Pemasangan 10 *portable* CCTV untuk mengesan kegiatan pembuangan sampah haram di kawasan *hotspot*;
- (ii) Mendapatkan maklumat pemilik berdaftar kenderaan yang dikenal pasti melakukan kegiatan pembuangan sampah haram;
- (iii) Melakukan forensik sampah bagi mengenal pasti premis atau syarikat yang melakukan longgokan sampah haram; dan
- (iv) Mewujudkan pasukan ronda selia untuk memantau sebarang aktiviti longgokan sampah haram di kawasan tertentu.

Bagi kawasan MBSP pula, terdapat penurunan 5 lokasi berbanding dengan tahun sebelumnya. Tindakan yang dilakukan oleh MBSP bagi mengatasi longgokan sampah haram di Seberang Perai ialah seperti berikut:

- (a) Membuat siasatan di lokasi sampah haram dengan mencari bil serta dokumen yang mempunyai alamat surat-menyerat yang dibuang dan tindakan berikut akan diambil berdasarkan alamat pesalah:
 - (i) Mengeluarkan kompaun; atau
 - (ii) Mengeluarkan notis pematuhan pembersihan; atau
 - (iii) Mengambil tindakan mahkamah sekiranya notis pematuhan pembersihan tidak dipatuhi.
- (b) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah & Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di tanah milik kerajaan atau rezab sungai.
- (c) Menuntut kos pembersihan yang dilakukan oleh pihak MBSP terhadap pemilik tanah atau pemunya sisa sampah tersebut.

Cadangan penambahbaikan bagi mengatasi longgokan sampah haram di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Meneliti semula undang-undang sewajarnya;
- (ii) Mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) pengurusan sampah haram;
- (iii) Mempertimbangkan *best practices* yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain; dan
- (iv) Mempertimbangkan cadangan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO)/orang awam bagi mengatasi masalah ini.